

## Adat Melenggang Perut : Antara Adat dan Islam

**Anis Mardiana Ahmad**

Universiti Teknologi Mara, anis513@kedah.uitm.edu.my

**Kartini Kasim**

Universiti Teknologi Mara, kartini2929@kedah.uitm.edu.my

**Nadiah Nur Syahirah Muhammad**

Universiti Teknologi Mara, nadiahns@kedah.uitm.edu.my

**Wan Siti Esah Che Hussain**

Universiti Teknologi Mara, wsech569@kedah.uitm.edu.my

**Nur Sa'aidah Ismail**

Universiti Teknologi Mara, nursaaidah@salam.uitm.edu.my

### ABSTRAK

"Biar mati anak, jangan mati adat", begitulah kuatnya pegangan masyarakat Melayu dengan adat yang diwarisi turun temurun. Kebanyakan adat Melayu banyak dipengaruhi oleh agama Hindu, antaranya adat melenggang perut. Adat melenggang perut merupakan adat yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Melayu yang mana adat ini dilakukan pada ibu yang hamil tujuh bulan. Ritual melenggang perut yang dijalankan oleh bidan memerlukan beberapa peralatan bagi melengkapkan ritual tersebut. Masyarakat Melayu percaya bahawa ritual ini perlu diadakan bagi memelihara anak dalam kandungan, memudahkan kelahiran, menentukan jantina anak yang dikandung, serta bagi mengelakkan kecelakaan pada ibu dan juga bayi yang dilahirkan. Namun, dewasa ini jika diperhatikan adat ini kian dilupakan akibat arus kemodenan dan juga disebabkan kesedaran terhadap ajaran Islam. Adakah adat melenggang perut ini akan dilupakan?

**Kata Kunci: Adat Melayu, Melenggang Perut, Ritual, Islam**

### PENDAHULUAN

Adat atau adah di dalam Bahasa Arab membawa maksud kebiasaan, norma atau peraturan yang telah dan mesti dipatuhi oleh sesuatu masyarakat. Adat bukan sekadar keresaman, malah adat menjadi satu panduan cara hidup sejak ianya diamalkan sejak beribu-ribu tahun yang lepas. Bagi masyarakat Melayu, adat merupakan sesuatu yang telah diamalkan dan diwarisi sejak zaman berzaman.

Sejarah menunjukkan banyak adat masyarakat Melayu yang dipengaruhi oleh adat resam agama Hindu-Buddha (Othman, 1993). Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada masa dahulu, masyarakat Melayu menganut sama ada agama Hindu atau Animisme. Kebanyakan masyarakat atasan seperti golongan istana menganut agama Hindu, manakala rakyat bawahan pula kebanyakannya berpegang kepada kepercayaan Animisme (Mohammad, 2008).

Antara adat masyarakat Melayu yang mempunyai pengaruh agama Hindu yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu adalah adat melenggang perut. Istilah "Lenggang perut" atau "kirim perut" atau "mandi tian" yang digunakan oleh masyarakat Melayu Utara merupakan adat yang mesti dilakukan pada wanita hamil cukup tujuh bulan pada kelahiran sulungnya. Hari yang paling baik untuk melakukan ritual bagi adat

ini adalah hari Rabu atau Khamis pada tanggal 19, 21 atau 23 haribulan Islam (Othman, 1993).

Adat yang dijalankan adalah bertujuan untuk memelihara anak di dalam kandungan, mengelakkan kecelakaan pada ibu semasa melahirkan, menentukan jantina bayi yang dikandung, serta membetulkan kedudukan bayi supaya mudah dilahirkan.

### **Ritual dan Peralatan Melenggang Perut**

Menurut Othman (1993), peralatan-peralatan di bawah adalah diperlukan bagi menyempurnakan ritual melenggang perut:

- i. 7 helai kain yang mana setiap satunya berlainan warna dan salah satu dari kain tersebut berwarna putih.
- ii. Segantang beras yang dikenali sebagai "beras pemberkat".
- iii. Wang pengeras. Wang pengeras ini bergantung kepada tok bidan yang akan menjalankan ritual lenggang perut, namun wang pengeras bagi kebanyakan masyarakat Melayu Utara ialah sebanyak RM1.25.
- iv. 3 biji limau purut.
- v. Sintuk, tepung tawar, bertih, beras kunyit.
- vi. Minyak kelapa.
- vii. Kelapa.
- viii. Seekor ayam dara.
- ix. Lilin dan beberapa urat benang merah.
- x. Tepak sirih dan buyung yang dipenuhi air.

Othman (1993) mengatakan ritual dimulakan dengan mengandam ibu hamil dengan jampi mentera oleh tok bidan. Kain tujuh warna yang disediakan akan dibentangkan melintang dan bertindih di antara satu sama lain. Kemudian wanita hamil tujuh bulan tersebut akan dibaringkan di atas kain-kain tersebut. Lilin dipasangkan, tepung tawar dicalit pada muka, beras ditabur, dan minyak kelapa akan diurut pada perut wanita hamil tersebut. Seterusnya, kelapa yang telah dikupas kulitnya akan digulingkan pada perut wanita hamil tersebut sebanyak tujuh kali dan kelapa dibiarkan jatuh dari perut wanita hamil tersebut pada kali ke tujuh. Saat buah kelapa tersebut berhenti bergolek, tok bidan akan melihat kedudukan buah kelapa itu. Tok bidan akan menyimpulkan jantina anak yang dikandung oleh wanita hamil tersebut berdasarkan kedudukan mata buah kelapa tersebut. Sekiranya mata kelapa tersebut di atas, maka wanita tersebut dikatakan akan memperoleh anak lelaki dan sebaliknya sekiranya mata kelapa di bawah, maka anak yang akan diperoleh adalah anak perempuan. Ada juga tok bidan yang tidak menggunakan kelapa tetapi telur ayam. Penggunaan kelapa atau telur ayam adalah bergantung kepada tok bidan yang akan menjalankan ritual tersebut.

Seterusnya, upacara diteruskan dengan tok bidan memegang ke dua-dua hujung kain berwarna lapisan teratas dan kain tersebut dilenggang-lenggangkan di atas perut wanita hamil sambil membacakan doa. Kain tersebut kemudiannya akan ditarik keluar dan kain berwarna lapisan seterusnya akan dilenggangkan sehingga habis ketujuh-tujuh helai kain berwarna tersebut. Kemudian, wanita hamil itu akan disuruh mandi bersintuk limau menggunakan buyung yang dipenuhi air.

Tok bidan akan membawa pulang kain yang terakhir yang dilenggangkan di atas perut wanita hamil tersebut bersama-sama beras, lilin, sirih pinang, ayam dara, dan wang pengeras yang disediakan oleh keluarga wanita hamil.

## Amalan Dalam Adat Melenggang Perut dari Perspektif Islam

Sejarah menunjukkan Islam mula berkembang di Kepulauan Melayu pada sekitar abad ke 12 Masihi ke 13 Masihi. Islam yang mula berkembang pesat telah membawa banyak perubahan kepada corak pemikiran dan sosio-budaya masyarakat Melayu. Mohammad (2008) menyifatkan kedatangan Islam ke Tanah Melayu sebagai “pencetus zaman baru” di mana masyarakat Melayu yang menganut Islam mula meninggalkan pengaruh Buddha dan metedologinya. Tambahan pula letusan impak tauhid yang dibawa Islam mempengaruhi kepercayaan dan corak pemikiran masyarakat Melayu. Menurut ajaran Islam, hukumnya haram sekiranya aktiviti dijalankan bertentangan dengan amalan syariat seperti memuja atau membaca mantera yang memuja dan menyeru makhluk lain seperti jin dan syaitan.

**TARIKH TERTENTU:** Mempercayai bahawa terdapat tarikh dan hari tertentu yang baik untuk menjalankan kenduri adat ini adalah perkara khurafat, mempercayai perkara khurafat. Kerana tidak ada yang dapat mendatangkan mudarat dan manfaat melainkan Allah s.w.t.

*“Katakanlah (Muhammad), ‘Mengapa kamu menyembah yang selain Allah, sesuatu yang tidak dapat menimbulkan bencana kepadamu dan tidak memberi manfaat?’ Dan Allah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui.”* (Quran, 5:76).

Mempercayai perkara khurafat seperti sekiranya kenduri dijalankan pada tarikh tertentu, atau tarikh yang tidak sesuai, perkara buruk akan berlaku; situasi ini boleh membawa kepada syirik khafi (syirik yang tersembunyi) di mana kita meletakkan pengharapan dan kepercayaan kepada selain Allah. Sedangkan sesungguhnya Allahlah yang mengetahui segala sesuatu, dan tiada yang berkuasa atas mudarat dan manfaat yang terjadi paa makhluknya melainkan Dia.

Zaharuddin (2007) menyatakan bahawa mempercayai ‘kesialan’ hari atau tarikh untuk mengadakan sesuatu majlis ini juga termasuk dalam tatayyur/ tiyarah (sial menyial).

Diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Mas’ud, Rasulullah s.a.w bersabda *“Tiyarah itu syirik, tiyarah itu syirik, tiyarah itu syirik dan setiap orang pasti (pernah terlintas dalam hatinya sesuatu dari hal ini). Hanya saja Allah menghilangkannya dengan tawakkal kepada-Nya.”* (HR Abu Daud)

**PERALATAN DIGUNAKAN:** Alatan yang digunakan seperti kain, beras, limau dan sebagainya tidak mendatangkan masalah sekiranya tidak digunakan dalam upacara pemujaan dan yang sepertinya. Namun mengikut adat yang telah dijalankan beberapa lama, peralatan tersebut digunakan dalam upacara menilik jantina bayi dan sebagai pengeras atau upah kepada bidan yang dijemput.

Pemberian pengeras atau upah kepada bidan yang dijemput adalah tidak salah, dan adalah dibenarkan. Namun sekiranya bidan tersebut melakukan perkara yang melanggar syariat seperti menilik jantina berdasarkan kedudukan kelapa (khurafat) atau membaca mantera, dan bukan doa yang berlandaskan Quran dan Sunnah (syirik; meminta pertolongan kepada selain Allah) , perbuatannya tidak seharusnya diraikan dan digalakkan untuk dijalankan.

*“Katakanlah (Wahai Muhammad): ‘Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaKu Bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang satu; oleh itu, sesiapa Yang percaya dan berharap akan pertemuan Dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal Yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaapun Dalam ibadatnya kepada Tuhannya”,* (Quran, 18: 110)

*“Dan (orang-orang Yang beriman kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukanNya juga Dengan Yang lain,”* (Quran, 12: 106)

**MENENTUKAN JANTINA ANAK:** Amalan melenggang perut yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dahulu dengan penggunaan kelapa atau telur untuk menentukan jantina anak adalah menjurus kepada perbuatan syirik dan khurafat.

Ini kerana menentukan jantina anak dengan melihat kepada kedudukan kelapa atau telur apabila ia berhenti bergolek adalah seperti mengamalkan amalan perbomohan yang sangat dilarang di dalam Islam.

Amalan perbomohan bermaksud meramalkan sesuatu yang ghaib tanpa sebarang dalil syara' dan juga logik sains (zaharuddin.net, 3 Mei 2007). Allah berfirman dalam surah an-Naml (27: 65), "*Katakanlah (Muhammad), 'Tidak ada sesuatu pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah. Dan mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan.'*"

Tiada sesiapa pun yang dapat mengetahui perkara ghaib atau perkara yang akan berlaku pada masa hadapan, termasuklah kekasih Allah, "*Katakanlah (Muhammad), 'Aku tidak mempunyai kuasa mendatangkan manfaat mahupun menolak kemudaratan bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sekiranya aku mengetahui yang ghaib, nescaya aku melakukan kebaikan sebanyak-banyaknya dan tidak akan ditimpa bahaya. Aku hanyalah pemberi peringatan, dan pembawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman,'*" (Quran, 7: 188).

## KESIMPULAN

'Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah', merupakan sebuah peribahasa yang sinonim dengan masyarakat Melayu. Peribahasa tersebut bermaksud aturan-aturan yang tersedia mestilah dipatuhi selama masih hidup dan apabila sudah meninggal dunia, maka seseorang akan tertakluk kepada hukum Tuhan. Peribahasa ini jelas menunjukkan bahawa adat-adat yang baik bolehlah diikuti, namun sekiranya adat yang bercampur dengan perkara-perkara khurafat perlulah di jauhi. Ini kerana adat yang berunsurkan khurafat, sekiranya diamalkan tidak akan membantu seorang Islam tersebut mengecap redha Allah, malah seseorang tersebut tertakluk kepada hukumNya yang jelas dan nyata.

Peredaran zaman dan perkembangan Islam telah menyebabkan adat melenggang ini kian dilupakan, ada sekalipun yang membuatnya adalah kerana masih terikat dengan adat. Namun kebanyakan masyarakat Melayu hari ini dilihat melakukan pengubahsuaian terhadap adat tersebut dengan bacaan doa selamat, tiada lagi upacara-upacara yang membawa kepada syirik.

## RUJUKAN

- Ali Mohammad. (2008). Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu Hingga Abad Ke 17M. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1981), 68–84. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/7541/>
- Mat, I. Bin. (1985). *ADAT AND ISLAM IN MALAYSIA: A STUDY IN LEGAL CONFLICT AND RESOLUTION*. Temple University. Retrieved from <http://search.proquest.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/docview/303420075?accountid=42518>
- Othman, M. (1993). Adat Melenggang Perut Dikalangan Masyarakat Melayu. In *Jurnal Warisan Indera Kayangan*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Zaharuddin Abdul Rahman (2007, 3 May). Kesilapan umat Islam dalam kepercayaan & aqidah [Blog article]. Retrieved from [www.zaharuddin.net](http://www.zaharuddin.net)